



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

Jalan Bukit Gambir

11700 Pulau Pinang

Telefon : 04-657 5500

Faks : 04-658 2500

Laman Web : <http://jpnpp.moe.gov.my>

No. Rujukan : JPNPP.600 -4/2/2 (36)

Tarikh : 28 November 2024

**Guru Besar
Sekolah Rendah Negeri Pulau Pinang.**

Tuan,

**PROGRAM MENGENAL PASTI BAKAT (TID) PENGAMBILAN ATLET MURID KE
SEKOLAH SUKAN NEGERI MUTIARA IMPIAN SESI AKADEMIK 2025/2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sesi Pelaksanaan Program Pasti Bakat (TID) Pengambilan Atlet Murid Ke Tingkatan 1, Sekolah Sukan Negeri Mutiara Impian Sesi Akademik 2025/2026 akan dilaksanakan oleh Sekolah Sukan Negeri mengikut ketetapan seperti **surat makluman Sekolah Sukan Negeri di lampiran.**

3. Penyertaan pelajar dalam program ini dapat memberi peluang dan pendedahan kepada atlet murid yang terlibat di peringkat yang lebih tinggi. Justeru, atlet yang berminat boleh hadir ke sesi TID yang telah ditetapkan. Pihak tuan perlu menghantar seorang guru pengiring untuk bersama-sama atlet yang terlibat. Pihak sekolah perlu mematuhi prosedur penglibatan murid di luar bilik darjah dan memastikan penglibatan murid mendapat surat kebenaran daripada ibu bapa / penjaga murid yang terlibat.

4. Kerjasama dan sokongan tuan dalam hal ini amat dihargai. Sebarang pertanyaan pihak tuan boleh menghubungi En.Noraffendi Bin Taib , 0174334989 atau En. Mohd Fadzil Bin Mohd Noor (Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid) di talian 04-2285831.

Sekian, terima kasih

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN DIGITAL”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD SAID BIN IBRAHIM BCM)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Pembangunan Murid

b.p. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

No. Tel : 04-2285831

E-mel : upbm.msspp@moe.gov.my

- s.k.:**
1. Pengarah Pendidikan
 2. Ketua Penolong Pengarah , UPBM JPNPP
 3. Semua PPD



"MELAHIRKAN JAGUH SUKAN NEGARA"

Ruj. Kami : SMKMI.600-3/5/6()
Tarikh : 18.11.2024.

SHAMSIR BIN JEMAIN
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pembangunan Bakat Murid,
Sektor Pembangunan Murid,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang
(U:p Fadzil bin Mohd Noor)

Tuan,
**MAKLUMAN PROGRAM TID (TALENT IDENTIFICATION) PEMILIHAN ATLET MURID TINGKATAN SATU 2025 KE SMK MUTIARA IMPIAN
SEKOLAH SUKAN NEGERI PULAU PINANG**

Dengan segala hormat perkara di atas adalah dirujuk

- Untuk maklumat tuan, SMK Mutiara Impian selaku SSN Pulau Pinang akan memulakan proses pemilihan atlet murid bagi pengambilan murid tahun 2025 dalam 5 bidang sukan utama. Pemilihan adalah berdasarkan prestasi semasa dan potensi yang akan dikenal pasti oleh panel jurulatih yang telah dilantik dan diketuai oleh Pengetua SMK Mutiara Impian.
- Berikut adalah butiran mengenai program:

Sukan dan Tarikh	Isnin 2/12	Selasa 3/12	Rabu 4/12	Khamis 5/12	Jumaat 6/12	Isnin 9/12	Selasa 10/12	Tempat
Bola Sepak	/ (calon Pulau)	/ (calon Seberang)		/ (Senarai akhir)				SMKMI
Olahraga			/	/	/			SMKMI
Bola jaring	/	/						SMKMI
Hoki Lelaki					/			SMKMI
Hoki perempuan				/	/			SMKMI
Sepak Takraw						/	/	SMKMI

SYARAT KELAYAKAN KEMASUKAN KE SEKOLAH SUKAN NEGERI PULAU PINANG 2025

- Lulus tapisan dan penilaian panel pemilih (Syarat khusus berdasarkan sukan)
- Sekurang-kurangnya pernah mewakili zon dalam pertandingan peringkat MSSPP pada tahun 2024
- Mempunyai pengalaman mewakili Negeri ke pertandingan peringkat kebangsaan diutamakan
- Atlit murid yang terpilih wajib mengemukakan dokumen pengesahan dan laporan pemeriksaan kesihatan murid sebelum diterima mendaftar ke Sekolah Sukan Negeri, SMK Mutiara Impian, Pulau Pinang

4 Segala kerjasama serta perhatian pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan sila hubungi **EN NORAFFENDI BIN TAIB, PEN. KANAN. SUKAN, SEKOLAH SUKAN NEGERI, P.PINANG** ditalian **0174334989**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN DIGITAL"

Saya yang menjalankan amanah,


.....
(SHIMSOL BIN KASIM)
Pengetua
SMK Mutiara Impian
Pulau Pinang